

PERTANDINGAN REKACIPTA LOGO JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI (JPPKK)

Tema logo “*Engaging Industries, Empowering Communities*”

Syarat-syarat penyertaan

1. Terbuka kepada semua warga JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Semua rekacipta hendaklah bersifat dinamik dan sesuai untuk digunakan sebagai identiti korporat JPPKK yang melambangkan sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam unggul di Malaysia.
3. Keaslian logo - Semua ciptaan hendaklah asli. Rekacipta tidak boleh mengandungi unsur yang dianggap sensitif dari segi kaum, budaya dan agama.
4. Rekacipta hendaklah menggunakan tidak lebih daripada empat (4) warna tanpa “gradient”. Logo hendaklah tetap “legible” apabila saiznya dibesar atau dkecilkan. Apabila dibuat salinan, identiti logo tidak boleh berubah.
5. Setiap rekacipta logo hendaklah disertakan dengan rasional, definisi atau penjelasan bagi setiap simbol atau warna yang digunakan. Contoh-contoh di mana logo akan digunakan hendaklah disertakan bersama penyertaan.
6. Rekacipta hendaklah dihantar dalam bentuk cetakan di atas kertas A4 dan ditampalkan di atas kertas tebal (“mounting board”) berukuran A3 dan juga di dalam bentuk “softcopy”.
7. Penyertaan adalah percuma. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Setiap penyertaan perlu dinyatakan nama, nombor kad pengenalan, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email (jika ada) yang boleh dihubungi.
8. Semua penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak milik JPPKK. JPPKK berhak untuk mengubahsuai rekaan oleh peserta tanpa sebarang syarat.
9. JPPKK tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan, kerosakan atau apa-apa kos bahan yang dihantar oleh peserta. Bukti penghantaran (“posting”) bukan bukti penerimaan.
10. Keputusan pertandingan akan dibuat oleh Jemaah Pengadil yang akan dilantik oleh JPPKK. Setiap penyertaan akan dinilai dari aspek konsep, kreativiti dan keaslian. Pemenang akan dimaklumkan secara bertulis dan keputusan Jemaah Pengadil adalah muktamad.

Tarikh tutup penyertaan ialah **28 November 2008**. Penghantaran selepas tarikh tutup tidak akan diterima.

HADIAH

Pemenang akan menerima cenderahati dan sijil penghargaan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai pertandingan ini, sila hubungi:

Pn. Ani Asmah binti Tajul Ariffin

Bahagian Pembangunan Dasar, JPPKK

Tel: 03 – 88836422

Email: aniasmah@mohe.gov.my

PENYERTAAN

Penyertaan hendaklah dihantar kepada:

Bahagian Pembangunan Dasar

(Urusetia Pertandingan Mencipta Logo)

Jabatan Pengajian Politeknik & Kolej Komuniti

Kementerian Pengajian Tinggi

Aras 1, Blok E14, Kompleks E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62505 Putrajaya